

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 Jun 2016

SOALAN

Dato' Hoh Khai Mun minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah statistik golongan warga emas yang tinggal di rumah orang tua atau rumah kebajikan mengikut negeri, kawasan bandar dan luar bandar serta faktor-faktor yang menyebabkan golongan warga emas ditinggalkan oleh anak-anak mereka.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengendalikan dua (2) jenis institusi bagi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE). Rumah Seri Kenangan (RSK) ditubuhkan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Terdapat sebanyak sembilan (9) buah RSK di Semenanjung Malaysia, manakala terdapat dua (2) buah RSK di negeri Sarawak dan tiga (3) buah Rumah Warga Tua (RWT) di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, bagi Sabah dan Sarawak keseluruhan pentadbiran dan pengurusannya adalah di bawah kerajaan negeri masing-masing. Seperti pada 31 Disember 2015, jumlah keseluruhan penghuni di RSK dan Rumah Warga Tua adalah berjumlah 1,900 orang penghuni. Statistik penghuni adalah seperti berikut: 1) RSK Kangar, Perlis - 128 orang penghuni 2) RSK Bedong, Kedah - 273 orang penghuni 3) RSK Taiping, Perak - 175 orang penghuni 4) RSK Ulu Kinta, Perak - 253 orang penghuni 5) RSK Cheras, Selangor - 185 orang penghuni 6) RSK Cheng, Melaka - 157 orang penghuni 7) RSK Seremban, - Ditutup sementara bagi kerja-kerja Negeri Sembilan pembinaan semula 8) RSK Johor Bahru - 328 orang penghuni 9) RSK Kemumin, Kelantan - 120 orang penghuni 10) RSK Kuching, Sarawak - 64 orang penghuni 11) RSK Sibul, Sarawak - 53 orang penghuni 12) Rumah Warga Tua Sri Harapan Sandakan, Sabah - 42 orang penghuni 13) Rumah Warga Tua Sri Pritchard Kinarut, Papar, Sabah - 90 orang penghuni 14) Rumah Warga Tua Air Panas Tawau, Sabah - 32 orang penghuni Rumah Ehsan (RE) pula ditubuhkan untuk memberikan penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada pesakit melarat yang uzur, daif dan tidak berwaris agar mereka ini dapat terus hidup dalam suasana yang selesa dan tenteram. Terdapat dua (2) buah RE iaitu di Kuala Kubu Bharu, Selangor dan satu lagi di Dungun, Terengganu. Berdasarkan statistik tahun 2015, terdapat seramai 217 orang penghuni berada di kedua-dua RE seperti berikut: 1) RE Kuala Kubu Bharu - 117 orang 2) RE Dungun - 100 orang Selain daripada institusi warga emas di bawah kendalian kerajaan, terdapat juga institusi atau pusat jagaan warga emas yang dikelolakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta. Pusat jagaan ini berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sehingga Disember 2015, jumlah penghuni warga emas di pusat jagaan NGO dan swasta adalah seramai 6,334 orang penghuni melibatkan sebanyak 281 buah pusat jagaan. Berikut adalah statistik penghuni warga emas di pusat jagaan kendalian pertubuhan bukan kerajaan dan swasta mengikut negeri : 1) Perlis - 34 orang penghuni 2) Kedah - 139 orang penghuni 3) Pulau Pinang - 772 orang penghuni 4) Perak - 1440 orang penghuni 5) Selangor - 1273 orang penghuni. 6) Kuala Lumpur - 539 orang penghuni 7) Negeri Sembilan - 303 orang penghuni 8) Melaka - 339 orang penghuni 9) Johor - 853 orang penghuni 10) Pahang - 233 orang penghuni 11) Terengganu - 232 orang penghuni 12) Sabah - 85 orang penghuni 13) Sarawak - 92 orang penghuni Tuan Yang Dipertua, Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, dari tahun 2009 sehingga 2014, terdapat 14 - 18% daripada jumlah penghuni yang dimasukkan ke RSK (Semenanjung Malaysia) adalah disebabkan oleh pengabaian/ dipinggirkan oleh keluarga dan anak-anak mereka. Punca pengabaian ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti: i) Anak tidak mampu untuk menyara ibu/bapa kerana mereka juga hidup dalam kemiskinan - Pendapatan anak yang rendah dan 'cukup-cukup makan' menyebabkan mereka tidak berupaya untuk menjaga ibu bapa mereka dengan sewajarnya. Anak-anak akan menyatakan bahawa mereka perlu menjaga keluarga mereka sendiri dan tidak mampu untuk menjaga dan menyara ibu bapa oleh itu mereka nekad untuk meninggalkan ibu dan bapa mereka di institusi JKM. ii) Sejarah lampau ibu/ bapa yang mengabaikan anak suatu waktu dahulu telah menyebabkan anak tidak mahu menjaga ibu/ bapa mereka - Ibu bapa dipinggirkan anak-anak kerana pada masa anak-anak itu kecil, mereka telah mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak tersebut. Maka, setelah mereka berusia, anak-anak seolah-olah membalas apa yang mereka pada usia kecil mereka. Ini termasuklah kes ibu atau bapa yang mengabaikan keluarga untuk keluarga baharu atau orang ketiga. iii) Kurang pengetahuan agama menyebabkan tiada rasa tanggungjawab anak-anak kepada ibu/ bapa - Anak-anak kurang atau tiada ilmu agama yang mampu mengelakkan mereka dari meninggalkan tanggungjawab mereka kepada ibu bapa. Mereka tiada kesedaran dalam diri bahawa ibu bapa perlu

disayangi dan dijaga sebaiknya. iv) Anak-anak lebih mementingkan kerjaya dan tinggal berjauhan dari ibu dan bapa – Desakan hidup telah menyebabkan anak-anak lebih mementingkan kerjaya dan bersikap materialistik. Mereka lebih menumpukan kepada kerjaya berbanding ibu bapa tambahan pula bagi mereka yang tinggal berjauhan dari ibu bapa. Ini akan menambahkan kesukaran mereka untuk menziarahi dan melawat ibu bapa mereka di kampung. v) Anak-anak tidak tahan dengan kerenah ibu bapa mereka – Terdapat juga kes di mana anak-anak tidak tahan dengan kerenah ibu bapa yang cerewet, membebel dan ada yang telah nyanyuk dan mungkin mengalami dimensia. Anak-anak akan memberikan ini alasan bahawa mereka tidak berupaya untuk menjaga ibu bapa mereka tambahan pula mereka sibuk bekerja dan terpaksa menjaga anak-anak mereka sendiri.

